

DATE : 20 November 2013
PUBLICATION : Yahoo! Sports Malaysia
SECTION : N/A
HEADLINE : Maybank Asset Management Perkenal Bon Global Baharu Maybank



MAYBANK ASSET MANAGEMENT PERKENAL BON GLOBAL BAHARU MAYBANK



Bernama Media – Tue, Nov 19, 2013 7:45 PM MYT

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Maybank Asset Management Sdn Bhd memperkenalkan unit amanah global pertamanya, Maybank Global Bond Fund, yang disasarkan untuk pelabur yang mencari peluang untuk melabur dalam dana hutang negara.

Dana itu, dana pendapatan jenis 'feeder', bermatlamat memaksimumkan pulangan dengan melabur dalam Templeton Global Bond Fund (dana sasaran) menerusi pendapatan faedah, peningkatan modal dan keuntungan mata wang.

Pengarah Eksekutif Asset Management Badrul Hisyam Abu Bakar berkata pasaran modal Malaysia yang cergas, bernilai US\$816 bilion atau dua kali ganda keluaran dalam negara kasar semasa negara itu penting untuk syarikat itu dalam mewujudkan kehadirannya.

"Nilai aset bersih industri unit amanah sudah meningkat hampir empat kali ganda, daripada RM87.4 bilion pada 2004 kepada RM329 bilion pada 2013, dan diunjur meningkat kepada hampir RM830 bilion pada 2020," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Badrul Hisyam yang juga Ketua Pelaburan serantau berkata pelabur perlu mempunyai akses kepada dana negara global, bagi menyediakan pendapatan yang konsisten dan kedudukan defensif dalam pasaran yang turun naik.

Beliau berkata berdasarkan kedudukan geografi, 17.31 peratus pegangan dana sasaran itu adalah di Korea Selatan, 11.54 peratus di Poland dan 10.53 peratus di Malaysia, sehingga 30 Sept.

"Satu lagi kelebihan dana itu ialah kelas sahamnya menggunakan dolar Singapura, yang kekal berdaya tahan dalam keadaan pasaran yang tidak menentu. "Kami teruja untuk menyumbang kepada pertumbuhan pasaran modal tempatan dan industri unit amanah, dan yakin Maybank Global Bond Fund merupakan langkah pertama ke arah itu," kata Badrul Hisyam.